TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GPK HEM

A. MENGAJAR

1. Memahami, menghayati dan mengamalkan kehendak dan tuntutan Sukatan Pelajaran.
2. Mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dengan berkesan.
3. Membimbing murid memperoleh ilmu, kemahiran dan mengamalkan sikap positif.
4. Membuat penilaian dan mengambil tindakan susulan.

B. MEMBANTU GURU BESAR DALAM PENGURUSAN KEBAJIKAN DAN DISIPLIN MURID

1. Menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling murid.
2. Mengawal keselamatan, kebajikan dan kesihatann murid.
3. Mengurus bentuk bantuan kebajikan murid seperti:
 - Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
 - Pelbagai Biasiswa
 - Bantuan Khas Pakaian Seragam / TAPEM
 - Bantuan cermin mata tajaan KPM atau Persatuan Orang Buta
 - Lain-lain bantuan khas bagi murid-murid miskin
4. Mengurus dan mengemaskinikan pelbagai rekod kebajikan murid.
5. Membantu menguatkuasakan peraturan-peraturan sekolah.
6. Mengendalikan kes-kes disiplin murid.
7. Mengurus hal-hal makanan, minuman dan kebersihan kantin sekolah.
8. Menguruskan hal-hal Program Susu 1 Malaysia.

C. MEMBANTU GURU BESAR DALAM PENGURUSAN KEMASUKAN DAN PENDAFTARAN MURID

1. Mengendalikan pendaftaran murid-murid tahun 1.
2. Menempatkan pelajar yang baru berpindah dari sekolah lain.

D. Menguruskan perpindahan murid.

E. MEMBANTU GURU BESAR DALAM PERHUBUNGAN AWAM

1. Mewujudkan hubungan harmonis dengan komuniti dan masyarakat.
2. Mempergiatkan kegiatan-kegiatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

F. MEMBANTU GURU BESAR DALAM TUGAS-TUGAS LAIN

1. Menguruskan hal ehwal murid / kebajikan murid.
2. Menyelia kemudahan rawatan murid.
3. Menyediakan peralatan teknologi pendidikan.
4. Menentukan bahan pusat sumber dan bacaan murid.
5. Menganggotai jawatankuasa perbadanan dalam sekolah.
6. Mengwakili Guru Besar menghadiri mesyuarat, taklimat dan majlis rasmi.
7. Melaksanakan arahan-arahan dan tugas-tugas lain yang diberikan oleh Guru Besar / PPD / JPNM dan KPM dari semasa ke semasa.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU BERTUGAS HARIAN

A. PERSIAPAN SEBELUM MEMULAKAN KERJA

1. Hadir di sekolah sekurang-kurangnya 15 minit sebelum PdPc bermula.
2. Mengenalpasti kawasan yang memerlukan perhatian utama.
3. Mengenalpasti kumpulan murid yang kena giliran bertugas.
4. Membahagikan kerja mengikut kumpulan murid.

B. MENGAWASI MURID MENJALANKAN KERJA

1. Menunjukkan dengan jelas tugas yang diagihkan kepada murid.
2. Memastikan tugas dijalankan dengan sempurna, cepat dan berkesan.
3. Menentukan setiap murid yang bertugas bekerja dengan berdisiplin.
4. Mengarahkan murid berhenti bekerja dan masuk ke kelas dengan segera.

C. MENGAWASI MURID SEMASA REHAT

1. Memastikan semua murid berada dalam kawasan sekolah.
2. Mengawal disiplin murid-murid yang berebut-rebut membeli makanan / minuman di kantin.
3. Memastikan murid-murid makan / minum dengan beradab dan sopan.
4. Menjaga kebersihan tempat / kawasan mereka makan / minum.

D. MENGAWAL DISIPLIN MURID

1. Mengendalikan kes-kes kemalangan dalam kawasan sekolah.
2. Menyelesaikan perkelahian / pergaduhan / kehilangan barang dsb.
3. Menguruskan kes-kes murid sakit dan memerlukan tindakan segera.

E. JENIS-JENIS KERJA TUMPUAN

1. Memungut sampah di luar bangunan sekolah.
2. Menyapu sampah di dalam kelas / beranda / tangga / sekitar kantin dsb.
3. Membersihkan kawasan pembuangan sampah.
4. Mengosongkan tong-tong sampah ke dalam tempat pembuangan sampah.
5. Membersihkan tandas guru, murid lelaki dan perempuan, parit dsb.
6. Merumput tanam-tanaman di atas batas / dalam pasu bunga dsb.
7. Menyiram tanam-tanaman dalam pasu bunga / atas batas dsb.
8. Membuat kerja-kerja seperti diarahkan oleh Guru Besar dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU DISIPLIN

1. Sebagai Setiausaha kepada Lembaga Sekolah.
2. Merekod segala kesalahan / hukuman / denda yang dikenakan ke atas murid.
3. Menjadi penasihat kepada Lembaga Pengawas Sekolah.
4. Membantu Guru Besar dalam menentukan supaya peraturan-peraturan sekolah dipatuhi sepenuhnya.
5. Menyelesaikan maslaah-masalah yang tidak dapat diatasi oleh Lembaga Pengawas Sekolah serta merujuknya kepada Guru Besar jika perlu.

6. Membantu Guru Besar dalam mengesan kesalahan-kesalahan besar yang boleh membawa kepada penggantungan sementara ataupun pembuangan sekolah. Beliau juga dikehendaki mengesahkan kesalahan-kesalahan itu.
7. Sentiasa berhubung rapat dengan Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk menyelesaikan masalah-masalah murid dan juga dalam membantu menyelesaikan murid-murid yang bermasalah.
8. Sentiasa berusaha untuk menanamkan semangat patuh kepada arahan-arahan sekolah dalam kalangan murid-murid.
9. Bekerjasama dengan guru-guru bertugas mingguan / harian dan Lembaga Pengawas Sekolah untuk tujuan menguruskan kawalan murid-murid pada hari perhimpunan dan majlis-majlis yang diadakan oleh pihak sekolah.
10. Mencadangkan perlantikan pengawas-pengawas sekolah.
11. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Guru Besar dari semasa ke semasa.

PROGRAM GURU PENYAYANG

1. Dikendalikan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling.
2. Merancang dan menyusun modul bagi Program Guru Penyayang.
3. Mengagihkan tugas kepada semua guru dalam melaksanakan PGP (Program Guru Penyayang).

PERANAN GURU GANTI

1. Wajib berada di dalam kelas.
2. Mematuhi masa yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab memastikan murid dalam kawalan.
4. Memanfaatkan kualiti masa murid.

PERATURAN – PERATURAN SEKOLAH

1.0 WAKTU BELAJAR

1.1 Waktu belajar sekolah adalah seperti berikut:

HARI	TAHAP	MASA
ISNIN	TAHAP 1	7.30 – 1.00
	TAHAP 2	7.30 – 1.30
SELASA RABU DAN KHAMIS	TAHAP 1	7.30 – 1.00
	TAHAP 2	7.30 – 1.30
JUMAAT	1 DAN 2	7.30 – 12.00

- 1.2 Kehadiran ke sekolah adalah wajib. Kedatangan akan dicatat pada waktu pertama.
- 1.3 Murid–murid dikehendaki berada di dalam kawasan sekolah sebelum pukul 7.30 pagi. Murid yang datang lewat dari jam 7.40 pagi akan ditanda lewat (L) dalam Buku Jadual Kedatangan.
- 1.4 Loceng pertama akan dibunyikan pada pukul 7.30 pagi. Murid yang datang lewat akan dikenakan tindakan. Nama mereka akan dicatat di dalam buku pengawas bertugas di pintu masuk sekolah.
- 1.5 Loceng kedua akan dibunyikan pada pukul 7.40 pagi. Murid–murid telah berada di dalam bilik darjah apabila guru waktu pertama masuk ke dalam bilik darjah.
- 1.6 Murid–murid yang tidak dapat hadir ke sekolah oleh sebab-sebab yang tertentu hendaklah memberitahu pihak sekolah melalui Guru Kelas secara bersurat, telefon atau pesanan.
- 1.7 Murid-murid tidak dibenarkan ponteng sekolah (sila rujuk jadual di bawah):

Jenis Kesalahan	Tindakan / Hukuman	Pekeliling / Akta
Ponteng berterusan ► 3 hari berturut-turut ► 7 hari berturut-turut selepas amaran pertama ► 7 hari selepas amaran kedua ► 14 hari selepas amaran ketiga Jumlah keseluruhan : 31 hari	a. Amaran pertama (1) Kaunseling b. Amaran kedua (2) kaunseling c. Amaran ketiga (3) kaunseling d. Buang sekolah	Peraturan-peraturan Pelajaran Disiplin Sekolah 1959. Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1995
Ponteng yang tidak berterusan ► 10 hari	a. Amaran pertama (1)	

<ul style="list-style-type: none"> ▶ 10 hari selepas amaran pertama ▶ 20 hari selepas amaran kedua ▶ 20 hari selepas amaran ketiga <p>Jumlah keseluruhan : 60 hari</p>	<p>kaunseling</p> <p>b. Amaran kedua (2) kaunseling</p> <p>c. Amaran ketiga (3) kaunseling</p> <p>d. Buang sekolah</p>	
---	--	--

- 1.8 Kelas gantian / tambahan adalah hari persekolahan biasa. Kehadiran murid adalah diwajibkan.
- 1.9 Semasa waktu persekolahan, murid tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah. Mereka yang hendak berbuat demikian hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Guru-Guru Penolong Kanan atau Guru Besar.
- 1.10 Murid–murid yang perlu dihantar ke hospital / klinik adalah urusan Guru Bertugas Mingguan. Dapatkan surat kebenaran “Rawatan Perubatan” daripada pihak Pejabat Sekolah. Surat Rawatan yang diperolehi daripada Pegawai Perubatan hendaklah diserahkan kepada Pembantu Tadbir atau GPK HEM.
- 1.11 Murid-murid yang hendak meninggalkan bilik darjah hendaklah mendapatkan kebenaran daripada guru yang berada di dalam kelas pada masa itu dan dapatkan “Pas Kebenaran Keluar Kelas”.

2.0 PERHIMPUNAN SEKOLAH

- 2.1 Perhimpunan sekolah diadakan seminggu sekali setiap hari Isnin. Kehadiran murid adalah diwajibkan.
- 2.2 Murid-murid hendaklah bersedia di tempat perhimpunan 10 minit awal sebelum perhimpunan dimulakan.
- 2.3 Murid–murid dikehendaki berhimpun di tempat perhimpunan dengan tertib dan mengikut arahan pengawas yang bertugas.
- 2.4 Semasa doa dibacakan murid–murid beragama Islam hendaklah mengaminkan doa yang dibaca. Murid yang bukan beragama Islam dikehendaki berdiam diri.
- 2.5 Semua murid mestilah senyap dan memberikan perhatian penuh kepada ucapan dan pengumuman daripada Guru Bertugas Mingguan, Guru Penolong Kanan, Guru Besar serta lain-lain acara jika diadakan.
- 2.6 Lagu Kebangsaan, Lagu Negeri, Lagu Patriotik dan Lagu Sekolah hendaklah dinyanyikan dengan penuh semangat.
- 2.7 Murid-murid yang datang lewat hendaklah terus ke tempat perhimpunan dan berbaris dalam barisan yang berasingan.

3.0 MASA BELAJAR

- 3.1 Murid-murid tidak dibenarkan membuat bising walaupun dengan ketiadaan guru.
- 3.2 Memberi perhatian yang penuh dan bersungguh-sungguh terhadap guru dan pengajarannya.
- 3.3 Tidak dibenarkan ke tandas / keluar pada waktu belajar atau semasa pertukaran waktu (kecuali dengan kebenaran).
- 3.4 Hendaklah meninggalkan bilik darjah dengan senyap dan tertib, samada pada waktu rehat atau balik. Berbaris dahulu di luar bilik darjah.
- 3.5 Hendaklah berjalan berbaris berdua-dua dan senyap semasa hendak ke Makmal Sains, Bengkel Kemahiran Hidup, Makmal Komputer, Perpustakaan, ke padang atau ke mana-mana yang diarahkan.

4.0 WAKTU REHAT

- 4.1 Murid–murid dikehendaki keluar dari bilik darjah secara teratur berdua-dua dengan senyap dan tertib.
- 4.2 Murid-murid mestilah berada samada di kantin, perpustakaan, sudut bacaan atau pondok bacaan. Tempat-tempat lain adalah dilarang.
- 4.3 Beratur semasa membeli makanan di kantin. Kertas pembungkus makanan hendaklah dibuang ke dalam bekas-bekas atau tong sampah yang disediakan.
- 4.4 Murid-murid tidak dibenarkan membeli makanan dan minuman di luar kawasan sekolah.
- 4.5 Murid-murid tidak dibenarkan menjual makanan atau apa jua bentuk barang di dalam kawasan sekolah.
- 4.6 Murid-murid tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah dan kawasan larangan semasa waktu rehat.
- 4.7 Pada waktu-waktu lain murid-murid dilarang membeli makanan dan minuman di kantin.

5.0 PAKAIAN SERAGAM

5.1 Pakaian seragam sekolah adalah mengikut Pekeliling Ikhtisas Bil 12 / 1978 yang diubah suai.

5.2 Pakaian seragam murid lelaki: (sila rujuk lampiran)

5.2.1 Seluar pendek / panjang warna biru gelap

- poket sisi dijahit di dalam
- poket belakang dijahit tebuk
- poket tampal tidak dibenarkan

5.2.2 Murid beragama Islam wajib memakai seluar panjang

5.2.3 Baju putih lengan pendek / panjang dengan hanya satu kocek

5.2.4 Kasut getah putih dengan stoking putih

5.3 Pengawas sekolah lelaki:

5.3.1 Baju kuning pinang lengan panjang / pendek, bertali leher serta memakai lencana pengawas

5.3.2 Memakai vest berwarna biru gelap

5.3.3 Seluar panjang warna biru gelap

5.3.4 Berkasut dan stoking warna hitam

5.4 Pengawas Perpustakaan lelaki:

5.4.1 Baju biru muda lengan panjang / pendek, bertali leher serta memakai lencana sekolah.

5.4.2 Memakai vest berwarna biru gelap.

5.4.3 Seluar panjang warna biru gelap.

5.4.4 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.5 Pakaian seragam murid perempuan: (sila rujuk lampiran)

5.5.1 Sarung / pirature warna biru gelap.

5.5.2 Baju kurung / blaus putih.

5.5.3 Murid beragama Islam wajib berbaju kurung dan sarung. Digalakkan memakai mini telekung.

5.5.4 Kerongsang (bunga hiasan / kosong) tidak dibenarkan.

5.5.5 Berkasut getah putih dengan stoking putih.

5.6 Pengawas sekolah perempuan

5.6.1 Baju kurung / kemeja lengan panjang kuning pinang, bertudung mini telekung berwarna kuning pinang serta memakai lencana sekolah.

5.6.2 Kain kipas belakang / skirt labuh warna biru gelap.

5.6.3 Memakai vest berwarna biru gelap.

5.6.4 Berkasut dan stoking hitam.

5.7 Pengawas Pusat Sumber perempuan:

- 5.7.1 Baju kurung / kemeja lengan panjang biru muda, bertudung mini telekung warna biru gelap serta memakai lencana sekolah.
- 5.7.2 Kain kipas belakang / skirt labuh warna biru gelap.
- 5.7.3 Memakai vest berwarna biru gelap.
- 5.7.4 Berkasut dan stoking hitam.

5.8 Briged ICT lelaki:

- 5.8.1 Baju kemeja lengan panjang coklat cair, bertali leher dan vest berwarna coklat gelap
- 5.8.2 Berseluar panjang berwarna biru gelap.
- 5.8.3 Berkasut dan stoking berwarna hitam.

5.9 Briged ICT perempuan:

- 5.9.1 Baju kemeja lengan panjang warna coklat cair (rasmi).
- 5.9.2 Baju kurung warna coklat cair.
- 5.9.3 Kain kipas warna coklat gelap (rasmi).
- 5.9.4 Kain warna coklat gelap.
- 5.9.5 Tudung berwarna coklat gelap.
- 5.9.6 Kest warna coklat gelap (rasmi).
- 5.9.7 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.10 Briged Musolah lelaki:

- 5.10.1 Baju kemeja lengan panjang putih, bertali leher biru gelap dan vest berwarna biru muda.
- 5.10.2 Berkasut dan stoking berwarna hitam.

5.11 Briged Musolah perempuan:

- 5.11.1 Baju kemeja lengan panjang warna biru muda (rasmi).
- 5.11.2 Baju kurung warna biru muda dan tudung warna biru muda.
- 5.11.3 Kain kipas biru gelap (rasmi) dan vest biru muda (rasmi).
- 5.11.4 Kain warna biru gelap.
- 5.11.5 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.12 Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) lelaki:

- 5.12.1 Baju kemeja lengan panjang ungu gelap bertali leher ungu gelap dan vest ungu gelap.
- 5.12.2 Berkasut dan berstoking hitam.

5.13 Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) perempuan:

- 5.13.1 Baju kemeja lengan panjang ungu gelap (gelap).
- 5.13.2 Baju kurung warna ungu gelap.
- 5.13.3 Kain kipas ungu gelap (rasmi) dan vest ungu gelap (rasmi).
- 5.13.4 Kain warna ungu gelap.
- 5.13.5 Vest warna ungu gelap (rasmi).

5.14 Briged SPBT Lelaki:

- 5.14.1 Baju kemeja lengan panjang warna putih dan bertali leher biru gelap.
- 5.14.2 Vest warna *maroon* gelap (rasmi).
- 5.14.3 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.15 Briged SPBT Perempuan:

- 5.15.1 Baju kemeja lengan panjang warna putih (rasmi) dan bertali leher biru gelap.
- 5.15.2 Baju kurung berwarna putih dan tudung warna *maroon* gelap.
- 5.15.3 Kain kipas *maroon* gelap (rasmi) dan vest warna *maroon* gelap.
- 5.15.4 Kain warna *maroon* gelap.
- 5.15.5 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.16 Formen KH lelaki:

- 5.16.1 Baju lengan panjang warna putih dan bertali leher biru gelap.
- 5.16.2 Vest warna *maroon* gelap.
- 5.16.3 Berkasut dan stoking warna hitam.

5.17 Formen KH Perempuan:

- 5.17.1 Baju kemeja lengan panjang warna putih (rasmi) dan bertali leher warna biru gelap (rasmi).
- 5.17.2 Vest warna *maroon* gelap (rasmi)
- 5.17.3 Baju kurung warna putih dan tudung *maroon* gelap
- 5.17.4 Kain kipas *maroon* gelap (rasmi)
- 5.17.5 Kain warna *maroon* gelap
- 5.17.6 Berkasut dan stoking warna hitam

5.18 Briged PJ Lelaki dan Perempuan:

- 5.18.1 Baju sukan warna biru gelap.
- 5.18.2 Baju akan dipakai pada hari bertugas sahaja iaitu Selasa, Rabu dan Khamis.

5.19 Murid-murid diwajibkan memakai lencana kain dan tanda nama.

- 5.20 Lencana hendaklah dijahit pada bahagian atas saku baju murid lelaki dan pada baju kurung atau mini telekung di sebelah dada kiri murid perempuan. Tanda nama hendaklah disematkan di atas lencana.
- 5.21 Murid-murid perempuan dilarang sama sekali menggunakan alat solek dan memakai barang kemas serta perhiasan tiruan.
- 5.22 Murid-murid lelaki tidak dibenarkan memakai barang kemas seperti rantai, gelang, cincin dan sebagainya. Sekiranya untuk tujuan keagamaan hendaklah dimaklumkan kepada Guru Besar / GPK / Guru Disiplin.
- 5.23 Pakaian seragam hendaklah dipakai sewaktu hari persekolahan, waktu menghadiri kelas tambahan atau aktiviti sekolah atau semasa mengikuti rombongan sekolah kecuali dibenarkan oleh pihak sekolah
- 5.24 Murid lelaki yang ingin memakai tali pinggang mestilah berwarna hitam dan tidak terlalu lebar.
- 5.25 Baju mesti dimasukkan ke dalam sewaktu di sekolah, dalam perjalanan ke sekolah atau waktu balik dari sekolah.

6.0 PAKAIAN PENDIDIKAN JASMANI DAN SUKAN

- 6.1 Semua murid dikehendaki memakai pakaian sukan yang sesuai yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
- 6.2 Semua murid dimestikan memakai seluar panjang warna biru gelap dan baju T Pendidikan Jasmani yang berlesenkan sekolah ini sahaja.
- 6.3 Semua murid mestilah turun ke padang untuk bersenam kecuali mereka yang sakit dan mempunyai Surat Akuan Doktor atau bukti lain yang boleh diterima.
- 6.4 Murid yang sakit tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah sebaliknya mestilah berada di dalam bilik rawatan / bilik sakit.

7.0 RAMBUT MURID LELAKI

- 7.1 Murid lelaki mestilah berambut pendek dan kemas (sila rujuk lampiran).
- 7.2 Rambut di bahagian hadapan tidak boleh melebihi bulu kening.
- 7.3 Rambut di bahagian belakang tidak boleh melepasi paras bawah telinga dan mestilah berkeadaan nipis.
- 7.4 Rambut pada bahagian tepi tidak boleh menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dari *sideburn* tidak melebihi garis tengah hidung.
- 7.5 Rambut di bahagian atas tidak boleh lebih daripada 6 inci panjang.

- 7.6 Rambut hendaklah disikat dengan rapi.
- 7.7 Murid-murid dilarang menyimpan misai dan janggut
- 7.8 Fesyen rambut yang tidak sesuai dengan murid sekolah seperti *punk* dan memakai *dye* atau pewarna dan gel adalah dilarang sama sekali

8.0 RAMBUT MURID PEREMPUAN

- 8.1 Rambut hendaklah pendek dan kemas
- 8.2 Rambut yang panjang mencecah atau melebihi bahu mestilah diikat atau ditocang dengan kemas. Hanya riben warna putih, biru gelap atau hitam sahaja yang boleh digunakan.
- 8.3 Sepit rambut dan cekak rambut berwarna putih, biru gelap atau hitam sahaja boleh digunakan.
- 8.4 Rambut di bahagian hadapan tidak boleh menutupi dahi dan mata
- 8.5 Fesyen rambut yang tidak sesuai dengan murid seperti *punk*, memakai *dye* atau pewarna dan gel adalah dilarang sama sekali.

9.0 KEGIATAN KO-KURIKULUM

- 9.1 Murid Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) diwajibkan menyertai:
 - 9.1.1 Satu persatuan / kelab
 - 9.1.2 Satu badan beruniform
 - 9.1.3 Satu permainan / olahraga
- 9.2 Murid-murid hendaklah menepati masa dalam semua kegiatan ko-kurikulum (2.30 – 4.30 petang), hari Selasa.
- 9.3 Murid-murid yang tidak menghadiri kegiatan ko-kurikulum mestilah memberi alasan yang munasabah kepada guru-guru penasihat.
- 9.4 Murid-murid mestilah memakai pakaian pendidikan jasmani semasa menjalani latihan permainan dan olahraga, kelab / persatuan manakala pakaian seragam unit beruniform atau baju T unit uniform hendaklah dipakai sewaktu hari kegiatan badan beruniform.

10.0 PENGGUNAAN BASIKAL

- 10.1 Murid-murid dilarang menunggang basikal di dalam kawasan sekolah.
- 10.2 Basikal yang digunakan mestilah berda di dalam keadaan yang baik dan lengkap.
- 10.3 Basikal hendaklah dikunci dan letakkan di tempat yang ditetapkan. Sebarang kehilangan atau kecuiaan tuan punya basikal bukanlah tanggungjawab sekolah.
- 10.4 Semua penunggang hendaklah mematuhi peraturan jalanraya apabila berada di jalanraya.
- 10.5 Murid-murid hendaklah berhenti di pintu masuk untuk pemeriksaan pengawas pada waktu pagi.
- 10.6 Murid-murid yang hendak melintas pada waktu datang dan balik hendaklah melintas secara berkumpulan dengan diawasi oleh Guru Bertugas Mingguan dan trafik lalulintas / pekerja.

11.0 AKHLAK

- 11.1 Semua murid mestilah bersopan-santun dan berkelakuan baik semasa di dalam dan di luar kawasan sekolah.
- 11.2 Murid-murid hendaklah menjunjung tinggi dan mengamalkan nilai-nilai yang terkandung di dalam lagu sekolah dan falsafah pendidikan.
- 11.3 Memberi salam dan mengetuk pintu sebelum masuk ke dalam bilik darjah atau bilik-bilik yang sepatunya.
- 11.4 Untuk berjumpa Guru Besar hendaklah memberikan salam atau mengetuk pintu terlebih dahulu masuk setelah dibenarkan. Tidak dibenarkan masuk semasa Guru Besar ada tetamu.
- 11.5 Murid-murid hendaklah mengucapkan “Assalamualaikum” atau “Selamat Sejahtera” kepada semua guru, kakitangan sekolah serta pelawat yang ditemui pada bila-bila masa.
- 11.6 Hendaklah sentiasa menjaga nama baik sekolah di dalam majlis-majlis atau pertandingan yang diadakan samada di dalam atau di luar sekolah.
- 11.7 Murid-murid bertanggungjawab menjaga dan mewujudkan suasana pembelajaran di dalam bilik darjah. Menunjukkan tingkah laku atau kelakuan yang bersopan santun terhadap guru dan rakan-rakan. Tidak mengganggu rakan-rakan yang lain samada gangguan berbentuk fizikal atau kata-kata / ucapan.

12.0 MENJAGA KEBERSIHAN

- 12.1 Semua murid wajib menjaga kebersihan diri seperti gigi, kulit, badan, rambut, pakaian, kasut supaya kelihatan kemas dan bersih.
- 12.2 Semua murid wajib menjaga kebersihan sekolah samada di dalam bilik darjah atau kawasan sekolah yang lain.
- 12.3 Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bakul sampah yang disediakan.
- 12.4 Semua bilik darjah hendaklah kemas, teratur, bersih dan dihias dengan gambar-gambar, jadual waktu dan apa jua maklumat yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- 12.5 Jadual Bertugas Harian mesti diadakan oleh semua kelas. Semua murid mesti mematuhi jadual bertugas harian kelas masing-masing.

13.0 MENJAGA HARTA SEKOLAH

- 13.1 Semua murid adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda sekolah
- 13.2 Harta benda sekolah yang dirosakkan mesti dibayar ganti rugi. Kalau murid yang melakukan kerosakan itu tidak diketahui, murid di kelas berkenaan atau tempat kerosakan berlaku adalah bertanggungjawab membayarnya.
- 13.3 Suis lampu dan kipas hendaklah ditutup apabila murid-murid meninggalkan kelas.
- 13.4 Jangan membazir menggunakan air paip. Pastikan semua paip air ditutup atau dikunci selepas digunakan.
- 13.5 Perbuatan menconteng, mengotor atau merosakkan dinding sekolah, papan kenyataan, kerusi, meja dan lain lain perabot adalah dilarang keras.

14.0 SURAT MENYURAT

- 14.1 Segala surat-menyurat rasmi kepada pihak luar mesti dibuat melalui Guru Besar.
- 14.2 Murid-murid tidak digalakkan menggunakan alamat sekolah untuk surat-surat peribadi. Pihak sekolah berhak membuka surat-surat peribadi yang mencurigakan.

15.0 PELAWAT-PELAWAT

- 15.1 Pelawat / ibubapa / penjaga tidak dibenarkan berjumpa dengan murid-murid tanpa kebenaran Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Guru Bertugas Mingguan semasa sekolah sedang bersidang.
- 15.2 Jika pelawat / ibubapa / penjaga yang ingin membawa keluar murid kerana sesuatu sebab hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pihak sekolah dan menulis maklumat dalam buku catatan yang telah disediakan.
- 15.3 Murid-murid dilarang mengikuti sesiapa sahaja keluar daripada kawasan sekolah semasa sekolah sedang bersidang tanpa kebenaran Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Guru Bertugas Mingguan.
- 15.4 Semasa menghantar anak, kenderaan ibu bapa / penjaga adalah dilarang sama sekali memasuki kawasan sekolah kecuali hari hujan, waktu kelas tambahan dan ibu bapa kepada murid pendidikan khas yang bermasalah sahaja.

16.0 LARANGAN KERAS (SEMUA MURID MESTI MEMATUHINYA)

- 16.1 Menghisap atau menyimpan rokok, dadah, mengedar dadah, minum minuman keras, menganggotai kumpulan haram, mencuri, berjudi di dalam dan di luar kawasan sekolah.
- 16.2 Membuat hubungan asmara sesama murid atau pihak luar dengan cara bersurat atau cara lain.
- 16.3 Membawa majalah, risalah, kaset audio, vдео dan VCD berunsur ganas, lucah dan yang tidak sesuai untuk seorang pelajar.
- 16.4 Membawa senjata dalam apa jua bentuk sekalipun ke sekolah.
- 16.5 Mengancam, melawan, memukul atau mencederakan Guru Besar, guru-guru, kakitangan sekolah dan murid-murid serta pengawas.
- 16.6 Dengan sengaja merosakkan harta benda persendirian Guru Besar, guru-guru, kakitangan sekolah dan murid-murid.
- 16.7 Membantah hukuman guru, menunjukkan sikap bongkak dan menghina Guru Besar, guru-guru dan kakitangan sekolah. Sengaja menimbulkan sesuatu perkara yang sensitif dengan tujuan menimbulkan kacau bilau.
- 16.8 Menampal gambar-gambar, mengucapkan dan menulis kata-kata lucah, tidak sesuai dan tidak bermoral.
- 16.9 Mengunjungi pusat-pusat hiburan seperti *Cyber cafe* dan sebagainya.
- 16.10 Menjalankan urusan jual beli sesama murid-murid di dalam kawasan sekolah.
- 16.11 Membawa telefon bimbit, *game* atau apa jua bentuk alat permainan.

17.0 PENUTUP

- 17.1 Semua murid hendaklah mematuhi semua peraturan sekolah yang terkandung di dalam “Buku Peraturan Sekolah” dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 17.2 Sebarang perlakuan ingkar adalah dipandang serius. Tindakan yang setimpal dengan kesalahan akan diambil terhadap murid yang berkenaan.

Gambarajah Pakaian Murid Lelaki



Contoh Pakaian Seragam Murid Perempuan –
Berbaju Kurung dan Berkain Sarung serta Bermini Telekung



Contoh Pakaian Seragam Murid Perempuan Berbaju Kurung dan Berkain Sarung




Gambarajah Pakaian Murid Perempuan



Ref : K>P (B>S>) 8543/Vol. IV (58)
Surat Pekeliling Ikhtisas No. 2/1976

Gambarajah Rambut Murid Lelaki



PANDUAN PENGURUSAN BUKU JADUAL KEDATANGAN MURID (BJKM)

1. PENGENALAN

- 1.1 Buku jadual Kedatangan Murid (BJKM) adalah dokumen yang sangat penting dan rasmi dan sah dari segi perundangan dan kewangan.
- 1.2 Akan diaudit oleh JURU AUDIT BERTAULIAH jabatan Pendidikan Negeri.
- 1.3 Digunakan untuk merekod kedatangan murid setiap hari persekolahan dan sebagai rujukan maklumat / butiran peribadi murid.

2. PERATURAN AM PENGURUSAN BJKM.

- 2.1 BJKM hendaklah disimpan di tempat selamat (Pejabat Sekolah) di bawah seliaan / jagaan Guru Kelas
- 2.2 Hanya Guru Kelas yang bertanggungjawab mencatat BJKM, murid adalah dilarang sama sekali.
- 2.3 Guru Kelas hendaklah mengambil BJKM pada permulaan hari persekolahan bagi tujuan menanda kedatangan murid dan kembalikan ke pejabat sekolah selewat-lewatnya pada akhir waktu ke dua P&P
- 2.4 Sekiranya guru kelas tidak hadir maka tanggungjawab guru mata pelajaran yang pertama menandakan kedatangan murid di kelas tersebut.
- 2.5 Sekiranya berlaku kehilangan BJKM, Guru Kelas hendaklah membuat laporan kepada pihak pengurusan sekolah dan jika perlu dibuat laporan polis.
- 2.6 Semua butiran hendaklah ditulis dengan terang dan kemas serta hanya menggunakan pen atau pena mata bulat yang berwarna HITAM / BIRU sahaja.
- 2.7 Penggunaan sebarang jenis pemadam atau pemadam cecair tidak dibenarkan sama sekali (**menyalahi peraturan**). Sekiranya berlaku kesilapan, potong sahaja dan ditandatangani (initial) ringkas terutamanya di bahagian penerimaan bayaran.
- 2.8 Semua maklumat di dalam BJKM mestilah tepat dan kemas kini. Maklumat pada bulan Disember hendaklah juga dipenuhkan kecuali pada ruangan kedatangan murid. Ruangan ini hendaklah dipotong (cross) dari penjuru atas kanan ke penjuru bawah kiri. Tuliskan “**CUTI AKHIR TAHUN**”
- 2.9 BJKM tidak boleh dipinda sama sekali seperti menampal dengan kertas lain di bahagian yang salah atau comot.

3. PENGURUSAN MAKLUMAT DALAM BUKU JADUAL KEDATANGAN MURID

3.1 Kulit Hadapan BJKM

- a. Isikan butiran di hadapan BJKM menggunakan HURUF BESAR dan diisi dengan terang dan jelas
- b. Contoh:

NAMA SEKOLAH	: SEKOLAH KEBANGSAAN SERKAM DARAT
ALAMAT SEKOLAH	: SEKOLAH KEBANGSAAN SERKAM DARAT,77300 MERLIMAU, MELAKA.
KELAS	: 1 UKM
TAHUN	: 2018
NAMA GURU	: PN.NORLIANA BINTI IBRAHIM

- c. Jika berlaku pertukaran Guru Kelas, catatlah nama Guru Kelas bersama tempoh beliau menjadi Guru Kelas tersebut.

Contoh :

PN.NORLIANA BINTI IBRAHIM(4 JAN 2018 – 16 JUN 2018)

EN.ABD LATIB BIN RAUB (17 JUN 2018 -)

Guru Kelas yang baru hendaklah meneruskan semua kerja Guru Kelas yang lama termasuklah menyambung kerja melengkapkan butiran murid yang belum lengkap.

- d. Sebaiknya kulit BJKM dibalut dengan pembalut lutsinar. Sekiranya BJKM disampul dengan kertas penyampul maka butiran yang perlu hendaklah ditulis/ditampal pada kertas penyampul tersebut.

3.2 Jadual Kedatangan Harian

3.2.1 Nombor Pendaftaran Murid

- a. Mesti ditulis dengan lengkap pada setiap bulan. Contoh : **1204**

3.2.2 Nama Penuh Murid

- a. Mestilah nama seperti dalam Sijil Kelahiran / Kad Pengenalan dan ditulis dengan **HURUF BESAR** mengikut abjad bagi setiap bulan.
- b. Nama murid lelaki di bahagian atas dan diikuti nama murid perempuan di bahagian bawah.
- c. Jika ada murid baru mendaftar, tuliskan nama murid tersebut di bahagian bawah nama yang sedia ada dalam bulan berkenaan. Kedudukannya hanya akan berubah mengikut abjad pada bulan yang akan datang.
- d. Nama murid yang berpindah atau berhenti, perlu dikekalkan sehingga akhir bulan semasa. Nama mereka hanya akan dikeluarkan dari senarai nama pada bulan berikutnya.

3.2.3 Jantina

Tuliskan “L” untuk murid lelaki dan “P” untuk murid perempuan (bagi semua murid)

3.2.4 Cara Menanda Kehadiran

- a. Tanda ‘ / ‘ sekiranya murid hadir
- b. Tanda ‘ O ‘ sekiranya murid tidak hadir tanpa sebab.
- c. Tanda ‘ S ‘ dalam bulatan sekiranya murid tidak hadir bersebab
- d. Tandakan ‘ L ‘ dalam bulatan sekiranya murid lewat (murid ini dikira hadir)
- e. Tandakan ‘ W ‘ dalam bulatan sekiranya murid mewakili sekolah (murid ini dikira hadir)
- f. Seseorang murid yang meninggalkan kelasnya sebelum cukup dua jam baeada di dalam kelas itu maka kedatangannya hendaklah ditandakan sebagai murid tidak hadir
- g. Hari Cuti Am / Cuti Peristiwa Sekolah hendaklah dicatat menurun ke bawah pada tarikh-tarikh yang berkenaan.
- h. Jumlah kedatangan dan jumlah murid hadir / tidak hadir perlu dicatat.

3.2.5 Panduan Membuat Perkiraan

a. Hitung Panjang Kedatangan (Purata Kedatangan)

$\frac{\text{Jumlah Kedatangan Murid Sebenar}}{\text{Jumlah Bilangan Hari Belajar}}$

Jumlah Bilangan Hari Belajar

Jika jawapan dalam perpuluhan, hendaklah dibundarkan kepada nombor bulat. Contoh : $\frac{573}{20} = 28.65$ dibundarkan kepada 29

Peratus Kedatangan

$\frac{\text{Jumlah Kedatangan Murid Sebenar} \times 100}{\text{Jumlah Kedatangan Murid Sepatutnya}}$

Jumlah Kedatangan Murid Sepatutnya

jika jawapan dalam perpuluhan, hendaklah dibundarkan kepada satu tempat perpuluhan. Contoh :

$$\frac{573}{610} \times 100 = 93.93\% \text{ dibundarkan kepada } 93.9\%$$

b. Hitung Panjang Bilangan Murid (Purata Ramai Murid)

$\frac{\text{Jumlah Kedatangan Murid Sepatutnya}}{\text{Jumlah Bilangan Hari Belajar}}$

Jumlah Bilangan Hari Belajar

Jika jawapan dalam nombor perpuluhan, hendaklah dibundarkan kepada nombor bulat. Contoh :

$$\frac{610}{20} = 30.5 \text{ dibundarkan kepada } 31$$

3.2.6 Maklumat Peribadi Murid

- Perlu dilengkapkan sepenuhnya oleh Guru Kelas selewat-lewatnya sehingga akhir bulan Januari.
- Tarikh masuk sekolah adalah merujuk kepada tarikh murid mendaftar pada hari pertama sekolah
- Tarikh murid meninggalkan kelas adalah merujuk kepada tarikh murid pindah / berhenti
- Nombor rujukan surat-surat untuk murid Bukan Warganegara (kelulusan belajar) perlu dicatat di ruangan catatan
- Sijil Berhenti perlu dikeluarkan bagi murid yang berhenti sekolah / dibuang sekolah

3.2.7 Maklumat Peribadi Ibu Bapa / Penjaga Murid

- Perlu dilengkapkan sepenuhnya oleh Guru Kelas selewat-lewatnya sehingga akhir bulan Januari
- Pastikan alamat tempat tinggal murid adalah alamat terkini
- Nombor telefon ibu bapa / penjaga perlu dicatatkan

3.2.8 Maklumat Kegiatan Kokurikulum Murid

- a. Perlu dilengkapkan sepenuhnya oleh Guru Kelas selewat-lewatnya sehingga akhir bulan Januari
- b. Setiap murid mesti menganggotai sekurang-kurangnya satu persatuan/kelab, satu badan beruniform, satu permainan dan satu rumah sukan.

**TAKWIM
UNIT HAL EHWAL MURID
2018**

BIL	Hari	TARIKH	PERKARA
01	Selasa	02 Januari 2018	RMT bermula / Laporan Harian RMT
02	Khamis	04 Januari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk HEM Kali-1
03	Jumaat	05 Januari 2018	Laporan e-SSDM (Setiap Jumaat Jan-Nov)
04	Isnin	08 Januari 2018	Program 5M PPDa setiap Isnin Perhimpunan Rasmi
05	Rabu	10 Januari 2018	Mesyuarat Pemilihan Murid RMT Tahun 1
06	Rabu	17 Januari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Unit HEM Kali-1
07	Rabu	24 Januari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Unit HEM Kali-1
08	Isnin	29 Januari 2018	Pelancaran Program Guru Penyayang
09	Rabu	31 Januari 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
10	Khamis	01 Februari 2018	RMT Tahun 1 bermula
11	Isnin	05 Februari 2018	Pelancaran Program Jom Ke Sekolah
12	Isnin	12 Februari 2018	Pelantikan Pemimpin Muda 2018
13	Selasa	20 Februari 2018	Kursus Kepimpinan Pemimpin Muda
14	Rabu	28 Februari 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
15	Sabtu	10 Mac 2018	Mesyuarat Agong PIBG
16	Isnin	12 Mac 2018	Pelancaran Program Sayangi Buku Teks
17	Jumaat	16 Mac 2018	Latihan Kebakaran Kali-1
18	Jumaat	30 Mac 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
19	Jumaat	27 April 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa, Laporan Denggi & Laporan 'Online' SPKS
20	Rabu	16 Mei 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk HEM Kali-2
21	Jumaat	18 Mei 2018	Pelancaran 'Ihya Ramadan
22	Rabu	30 Mei 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
23	Jumaat	29 Jun 2018	Hari Terbuka Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi Laporan 'Online' Kebersihan Tandas

BIL	Hari	TARIKH	PERKARA
24	Rabu	04 Julai 2018	Cuti Peristiwa Sempena Hari Kantin
25	Sabtu	14 Julai 2018	Pelancaran Gotong Royong Perdana Denggi
26	Khamis	26 Julai 2018	Latihan Kebakaran Kali Ke-2
27	Selasa	31 Julai 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
28	Jumaat	03 Ogos 2018	Pelancaran Program Minum Susu 1M
29	Jumaat	17 Ogos 2018	Pelancaran Program Ceria Merdeka
30	Jumaat	31 Ogos 2018	Program Ambang Merdeka Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi Laporan 'Online' SPKS
31	Jumaat	14 September 2018	Penutupan Program Ceria Merdeka
32	Jumaat	28 September 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
33	Isnin	01 Oktober 2018	Pelancaran Program Kaunseling
34	Jumaat	26 Oktober 2018	Sambutan Hari Kanak-kanak
35	Rabu	31 Oktober 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
36	Khamis	01 November 2018	Mesyuarat Pemilihan RMT & KWAPM 2019
37	Rabu	14 November 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Induk HEM Kali-3
38	Jumaat	16 November 2018	Cuti Peristiwa Sempena Hari Sukan Tahunan
39	Rabu	21 November 2018	Cuti Hari Q
40	Jumaat	23 November 2018	Laporan RMT, Laporan Kendiri Kantin & Tutup Jadual Kedatangan Laporan PPDa & Laporan Denggi
41	Isnin	23 Disember 2018	Mesyuarat Guru Kali-1 2019
42	Khamis	26 Disember 2018	Hari Pendaftaran Sesi Persekolahan 2019

